



LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN (LZNK) KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA 2022

Sebut Harga adalah dipelawa secara terbuka kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang **menjalankan operasi perniagaan di Negeri Kedah (keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat perniagaan/pendapatan dengan LZNK bagi Tahun 2021)** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih berkuatkuasa dan berkelayakan serta berpengalaman untuk menyertai Sebut Harga bagi kerja-kerja berikut:

Maklumat Sebut Harga

NO SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF/PENDAFTARAN CIDB/PKK/SPKK	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
LZNK/SH/ 07/2022	SEBUT HARGA CADANGAN KERJA-KERJA MENGUBAHSUAI PEJABAT ZAKAT DAERAH BANDAR BAHARU SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN UNTUK LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN	CIDB – GRED G1 (BANDAR BAHARU) PENGKHUSUSAN B28 (KERJA-KERJA UBAHSUAI)	RM50.00 Dokumen Sebut Harga boleh dirujuk mulai 28 JUN 2022 (Selasa)	28 JUN 2022 (SELASA) 12.00 TENGAH HARI PEJABAT ZAKAT DAERAH BANDAR BAHARU	04 JULAI 2022 (ISNIN) 12.00 TENGAH HARI

Tempat Serahan Dokumen Tawaran

Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman Aras 8, Menara Zakat, Jalan Telok Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman. No Tel: 04-7331740	Tarikh Tutup dan Masa :
	04 JULAI (ISNIN) SEBELUM JAM 12.00 TENGAH HARI

- i. Semua kontraktor **DIWAJIBKAN HADIR** ke sesi taklimat pada **28 JUN 2022 (SELASA)** bertempat di **PEJABAT ZAKAT DAERAH BANDAR BAHARU** pada jam **12.00 TENGAH HARI**.
- ii. Hanya **KONTRAKTOR (G1)** bagi **DAERAH BANDAR BAHARU** yang berdaftar dengan **PORTAL PEROLEHAN LZNK** sahaja dibenarkan untuk mengikuti sesi taklimat sebut harga.
- iii. Kontraktor dikehendaki membawa Kad Pengenalan, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Pendaftaran CIDB ASAL yang masih sah tempoh lakunya semasa taklimat tersebut. Hanya pemilik/penama di dalam PKK/SPKK sahaja dibenarkan hadir untuk taklimat. **WAKIL SELAIN PEMILIK/PENAMA** di dalam sijil adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- iv. Kegagalan untuk menghadiri taklimat ini dalam masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan kontraktor tidak dibenarkan untuk memasuki Sebut Harga ini dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini **TIDAK AKAN DILAYAN**.



- v. Dokumen Sebut Harga akan dijual kepada kontraktor yang hadir ke taklimat sahaja serta mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya.
- vi. Dokumen Sebut Harga akan dijual secara atas talian kepada kontraktor yang mengikuti sesi taklimat sahaja serta mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya.
- vii. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli secara atas talian di **PORTAL PEROLEHAN LZNK** dan bayaran bagi Dokumen Sebut Harga tidak akan dikembalikan.
- viii. Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman **<http://www.zakatkedah.com.my>**
- ix. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah dilabelkan mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
- x. Kontraktor yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai berikut:

Bahagian Pembangunan Dan Penyelenggaraan (Teknikal) : – 04-7331740 ext. **205 /204**

Pegawai Perolehan (Dokumen Sebut Harga) : – 04-7331740 ext. **265 / 019-4941740**